

SEKOLAH WAWASAN : Sejauh manakah Ia Mampu Melahirkan Generasi Bersatu padu di Masa Akan datang

**Prof. Madya Dr. Azizi Yahaya
Amir Hamzah Abdul
Sanif bin Sapaat**

Abstrak

Malaysia sebagai negara yang kian pesat membangun, sudah pasti akan mengalami perubahan dalam semua aspek keperluan negara, khususnya dalam bidang politik, sosial dan ekonomi. Namun, keutuhan Malaysia mengekalkan konsep pemajmukan kaum, jika tidak diimbangi dengan betul, akan mewujudkan satu lagi pertentangan kaum. Konsep Sekolah Wawasan yang kini dipraktikkan, dipandang sebagai salah satu usaha pemimpin negara untuk melahirkan anak bangsa Malaysia yang lebih bersifat cintakan negara. Jika dilihat kerangka konsep yang berkenaan, sekolah yang dahulunya terasing antara satu sama lain kini disatukan dalam satu sistem pendidikan yang seragam dan selari dengan hasrat negara untuk menghasilkan rakyat yang mempunyai semangat baru bagi meneruskan wadiah wawasan negara. Falsafah Pendidikan Negara juga menitikberatkan keharmonian dalam proses penimbaan ilmu. Justeru itu langkah bijak itu dianggap sebagai persediaan Malaysia menempuh alaf mendatang, yang sudah pasti lebih mencabar, menuntut ketahanan mental dan kerohanian manusia yang hidup ketika itu.

PENGENALAN

Peristiwa berdarah 13 Mei 1969 merupakan titik hitam dalam sejarah negara. Walaupun kejadian itu sudah lama berlalu, tidak mustahil ia berulang kembali jika gagal memanfaatkan masa dan zaman yang sedang diharungi. Ketika itu Malaysia mengalami kekacauan yang sungguh mengaibkan. Lantaran peristiwa itu, pemimpin negara diketuk minda mereka untuk memulihkan semula hubungan antara kaum di negara ini. Kesenambungan usaha itu berlanjutan sehinggalah ke dekad baru ini. Cadangan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, untuk membentuk sistem persekolahan yang lebih bersifat kolektif dan berciri keharmonian kaum dianggap langkah bijak.

Sebagai negara yang kian pesat membangun, sudah pasti Malaysia akan mengalami perubahan dalam semua aspek keperluan negara, khususnya dalam bidang politik, sosial dan ekonomi. Namun, keutuhan Malaysia mengekalkan konsep pemajmukan kaum, jika tidak diimbangi dengan betul, akan mewujudkan satu lagi pertentangan kaum.

KONSEP

Konsep Sekolah Wawasan ialah usaha melahirkan anak bangsa Malaysia yang lebih bersifat cintakan negara dengan menyatukan sekolah dalam satu sistem pendidikan yang seragam yang dahulunya terasing antara satu sama lain untuk mewujudkan satu pertembungan etnik dalam satu ruang yang sama. Ini bermaksud penggabungan sekolah berkenaan sudah pasti akan menemukan pelajar kepada satu andaian baru dalam hidup mereka.

OBJEKTIF

Objektif utama pengujudan sekolah wawasan ialah untuk melahirkan anak bangsa Malaysia yang lebih bersifat cintakan negara. Sekolah wawasan yang dicernakan oleh Perdana Menteri mampu menjadikan pemangkin dalam merealisasikan impian wawasan 2020. Sekolah Wawasan ialah sekolah yang dahulunya terasing antara satu sama lain kini disatukan dalam satu sistem pendidikan yang seragam. Apabila anak Melayu, Cina, India dan kaum lain dapat berinteraksi sejak peringkat awal persekolahan sudah tentu akan lahir satu generasi Malaysia yang bersifat pelbagai budaya. Pada masa ini, orang Melayu mampu menguasai budaya bangsa lain. Begitu juga kaum lain, sudah tentu sifat kekitaan yang pernah berlaku pada 13 Mei 1969 tidak akan lahir lagi dalam diri rakyat Malaysia.

SEKOLAH WAWASAN

Hari ini masih lagi wujud sekolah bersifat perkauman. Masih ada sekolah yang dihaskan untuk kaum Melayu, Cina dan India. Bagaimana jika sekolah sebegini masih wujud untuk tempoh 20 hingga 30 tahun akan datang? Adakah sistem pendidikan sedemikian mampu menjamin perpaduan antara kaum di Malaysia tetap kukuh?

Ilham yang telah dicernakan oleh Perdana Menteri iaitu pengujudan Sekolah Wawasan mampu menjadi titian untuk mencapai matlamat penyatuan etnik yang terdapat di Malaysia untuk mencintai negara sepenuhnya. Untuk menuju ke matlamat itu, Malaysia perlu bersedia menyediakan elemen manusia yang jauh daripada virus perosak. Bukan mudah bagi negara memastikan ia sentiasa berada dalam kawalan. Pembentukan sistem persekolahan sedemikian adalah variabel kepada pemusatan etnik berjiwa Malaysia. Ini kerana dalam sistem itu bukan sahaja bangsa Melayu yang akan bersekolah berkenaan tetapi akan turut terhimpun pelbagai ras dan agama. Lantaran daripada pertemuan itu, satu wadah pendidikan akan mewujudkan pertembungan budaya dan bangsa.

Mekanisme pemusatan etnik perlu sejajar, baik dari segi kurikulum dan kokurikulum. Sekolah Wawasan yang telah diluluskan oleh kabinet pada tahun 1997 memerlukan satu sistem pendidikan yang jitu. Penyediaan keperluan pendidikan perlu selaras dengan hasrat dan matlamat penubuhan sekolah berkenaan.

Kementerian Pendidikan selaku institusi yang bertanggungjawab perlu memikirkan input yang akan dipraktikkan dalam memastikan ia benar-benar memberi manfaat untuk tempoh terdekat dan masa hadapan. Perancangan, pengkajian dan penyelidikan berterusan perlu dilakukan bagi menjamin mutu dan jumlah yang keluar daripada pelaksanaan sistem ini agar tidak tersasar daripada kehendak negara.

Dalam penubuhan Sekolah Wawasan, kita perlu melihat dalam konteks penggunaan kaedah pemikiran timbal balik, iaitu proses melihat setiap perancangan yang dilakukan bagi mewujudkan elemen pertentangan atau lebih tepat lagi wujudnya konsep pro dan kontra. Jika kita fikirkan bahawa Sekolah Wawasan akan menjamin mutu pendidikan negara kita, namun adakah ia akan dapat mencapai matlamat itu sepenuhnya?

Jika dilihat secara global, mungkin akan wujud pelbagai masalah daripada sistem ini. Jika hanya melihat dalam satu sudut pandangan memanglah amat baik tetapi perlu juga difikirkan pro dan kontra dalam membina sesuatu sistem itu. Kesan-kesan negatif dengan penubuhan Sekolah Wawasan akan dibincangkan kemudian.

Seperkara yang perlu diingat, masyarakat Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum dan isu-isu sensitif akan mengundang konflik yang membawa parah. Sejarah negara telah menyaksikan bahawa sistem pendidikan yang ditinggalkan oleh penjajah Inggeris iaitu pengasingan sekolah dan tiadanya peraturan yang seragam dipakai untuk semua sekolah telah melahirkan bibit-bibit semangat perkauman yang menebal.

Pada ketika itu, sekolah Cina menggunakan sukatan dan sistem pendidikan yang berorientasikan negara China. Begitu juga dengan sistem pendidikan bagi masyarakat India yang berkiblatkan negara India. Di beberapa buah sekolah pula, guru-guru diambil dari negara China dan India. Situasi beginilah yang ingin dilihat oleh penjajah dengan rakyat Melayu pada ketika itu tidak bersatu padu. Semangat perkauman yang tebal ini terbawa-bawa selepas merdeka sehingga mencetuskan peristiwa 13 Mei 1969.

Maka jika penyelesaian yang wajar diambil ialah mewujudkan semangat integrasi antara kaum. Integrasi yang dimaksudkan dalam konteks ini ialah mewujudkan kerjasama dan harmoni di antara kaum di negara ini.

Jika diteliti Penyata Razak 1956 yang mana “tujuan dasar pelajaran di dalam negara ini ialah bermaksud hendak menyatukan murid-murid daripada semua bangsa di dalam negara ini dengan memakai satu peraturan pelajaran yang meliputi semua bangsa dengan menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa penghantar.

Walau bagaimanapun perkara ini tidak dapat dilaksanakan dengan serta merta melainkan hendaklah dilaksanakan dengan “beransur-ansur”. Pernyataan ini jelas menunjukkan bahawa sistem pendidikan di Malaysia adalah satu kaedah untuk mengekalkan perpaduan di kalangan kaum. Perpaduan di sini dalam erti kata lain berupaya menangkis semua gejala-gejala yang boleh memecah-belah rakyat seperti semangat perkauman yang merebak dan perasaan kedaerahan yang melampau. Oleh sebab itulah, Penyata Razak telah mengambil langkah supaya sistem pendidikan di Malaysia menggunakan kurikulum yang sama untuk semua sekolah dan bahasa Melayu wajib diajar di SRJK. Manakala SRJK terus kekal menggunakan bahasa ibunda mereka.

Sebagaimana yang telah dijelaskan oleh menteri pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, Sekolah Wawasan tidak akan menghapuskan identiti SRJK tetapi Sekolah Wawasan adalah gabungan ketiga-tiga sekolah rendah iaitu SRK (Sekolah Rendah

Kebangsaan), SRJKC (Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina) dan SRJKT (Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil) dalam satu kawasan. Di dalam kawasan ini, sekolah tersebut akan menggunakan segala kemudahan yang ada seperti padang, kantin, perpustakaan dan pelbagai lagi secara bersama atau dikongsi bersama. Manakala setiap sekolah tetap mempunyai bangunan dan pentadbiran mereka sendiri. Murid-murid akan dibiarkan mereka bergaul, berinteraksi dan bermain bersama-sama. Proses integrasi dan asimilasi seharusnya dibiarkan berlaku secara evolusi serta semula jadi. Sebarang percubaan untuk mewujudkan integrasi dan asimilasi secara paksaan pasti akan menemui kegagalan. Dengan cara ini dapat menghapuskan tembok pemisah serta mengurangkan jurang yang wujud di antara pelbagai kaum di negara ini.

Jaminan dan penjelasan yang dibuat oleh menteri pendidikan ini diharap akan menghilangkan kegusaran dan kegelisahan pihak berkenaan mengenai status SRJK. Walaupun mereka tetap ditempatkan di sekolah yang sama adalah diyakini bahawa usaha-usaha ini akan lebih berjaya dan berkesan jika dilaksanakan di peringkat awal usia pelajar iaitu di sekolah rendah. Ini bersesuaian dengan pepatah Melayu iaitu “melentur buluh biarlah dari rebungnya”

Pelajar sekolah rendah ini akan bergaul secara langsung apabila mereka bersukan di padang, makan di kantin atau semasa mengadakan hari terbuka sekolah. Jika perkara ini telah ditanam dan disemai sejak awal lagi, masalah perkauman ini akan terhapus sedikit demi sedikit dan perasaan syak wasangka antara kaum tidak akan wujud lagi.

Cuma dalam hal ini, KPM perlu memberi jaminan yang tegas dan penjelasan yang meluas kepada semua pihak bahawa Sekolah Wawasan ini tidak akan menguburkan identiti SRJK.

Sebenarnya masyarakat Malaysia akan dan mampu berinteraksi dengan pelbagai kaum dalam pertubuhan belia, perniagaan, politik dan aktiviti masyarakat, mengapa kita tidak melaksanakannya di peringkat sekolah? Sesungguhnya Sekolah Wawasan ini perlu diberi peluang yang luas untuk dilaksanakan dan KPM mestilah memantau perkembangannya dari semasa ke semasa.

Maka disarankan kepada semua pihak agar berlapang dada menerima konsep Sekolah Wawasan ini kerana hasil yang ingin di kecapi daripada konsep tersebut tidak mungkin dapat dicapai dalam tempoh masa yang singkat, sebaliknya mengambil masa yang lama. Kita penuh yakin dan percaya bahawa pelajar yang bakal lahir dari sekolah ini akan lebih bersatu padu dengan mengetepikan semangat perkauman yang menebal, malahan bangga menggelar diri mereka sebagai bangsa Malaysia.

Jika disoroti kembali sejak negara mencapai kemerdekaan, berbagai usaha telah dilakukan untuk membetulkan semula kepincangan dan “kerosakan” yang dilakukan oleh pihak penjajah terutamanya untuk menyatupadukan semula kaum melalui pelbagai program yang bersepadu seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB). Penyusunan semula masyarakat kita supaya menjadi lebih seimbang terutamanya dari segi pemikiran ekuiti ekonomi sudah hampir tercapai. Namun, penyusunan masyarakat kita dari segi pendidikan masih belum menampakkan hasil yang membanggakan.

Sementara itu konsep Sekolah Wawasan harus dilihat dari konteks dan perspektif yang positif iaitu mewujudkan sebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu

dan bukannya bertujuan untuk menghapuskan identiti sesuatu kaum serta menghilangkan entiti SRJK.

Kalau disoroti dengan teliti akan didapati bahawa penempatan tiga aliran sekolah yang berbeza di dalam sebuah kawasan akan membolehkan pelajar-pelajar SRJK menguasai Bahasa Melayu. Ketegangan hubungan kaum dan masalah yang berkaitan berpunca daripada sikap prejudis serta perasaan curiga mencurigai, lantaran kurangnya interaksi dan hubungan yang terjalin di antara mereka. Keadaan ini diburukkan lagi apabila anak-anak mereka dibesarkan dalam lingkungan masyarakat kaum mereka semata-mata. Isolasi yang berlaku itu tidak memungkinkan mereka mendapat gambaran yang sebenarnya mengenai masyarakat dan kaum yang lain.

Akibatnya mereka membesar di dalam suasana yang penuh dengan prasangka terutamanya bagi mereka yang tidak pernah menjejakkan kaki ke sekolah kebangsaan. Berbeza dengan sikap para pelajar Cina dan India yang mendapat pendidikan di sekolah kebangsaan serta bercampur gaul dengan pelajar Melayu kerana didapati sikap mereka lebih terbuka, bertoleransi dan tidak meminggirkan dirinya daripada masyarakat yang lain.

Sebarang usaha ke arah integrasi nasional dan perpaduan kaum tidak boleh dilihat sebagai percubaan untuk membunuh atau menghapuskan budaya, bahasa dan identiti sesuatu kaum. Dalam hal ini, semua pihak harus meletakkan kepentingan nasional dan negara pada kedudukan yang paling utama daripada kepentingan peribadi atau kaum masing-masing. Ini dapat dilakukan dengan memberikan sokongan dukungan kepada usaha-usaha yang dapat memupuk dan mengukuhkan hubungan kaum yang terdapat di Malaysia.

Pelaksanaan Sekolah Wawasan masih lagi di peringkat percubaan. Setakat ini, hanya tiga buah sekolah seumpama itu diwujudkan dan dua daripadanya telah mendapat liputan meluas iaitu Sekolah Wawasan Lurah Bilut, Bentong, Pahang dan Sekolah Wawasan Teluk Sengat, Johor. Peluang, ruang dan laluan perlu diberikan kepada Sekolah Wawasan ini beroperasi untuk melihat kesan dan sejauh manakah kemampuannya untuk mengukuhkan hubungan kaum serta integrasi di kalangan pelajar sekolah rendah sebelum konsep itu direalisasikan secara menyeluruh pada peringkat yang lebih luas lagi.

Kebaikan

Seperti yang dimaklumi, tujuan penubuhan Sekolah Wawasan ialah untuk mengeratkan perpaduan yang sudah sedia ada terjalin kukuh dalam masyarakat majmuk di Malaysia. Penekanan semangat perpaduan dan integrasi antara kaum sejak kecil lagi iaitu di bangku sekolah rendah akan lebih memudahkan kerana mereka ini masih kanak-kanak yang boleh dilenturkan. Di samping itu juga dapat menghayati tujuan Penyata Razak 1956 yang di antaranya hendak menyatukan murid-murid daripada semua bangsa di dalam negeri ini dengan memakai satu peraturan pelajaran.

Sekolah Wawasan yang menempatkan tiga aliran sekolah yang berbeza di dalam sebuah kawasan akan membolehkan pelajar-pelajar SRJK menguasai bahasa Melayu. Ini kerana penguasaan bahasa Melayu di kalangan pelajar SRJK agak lemah dan dengan adanya interaksi pelajar pelbagai keturunan ini membuka ruang seluas-luasnya untuk mereka berkomunikasi menggunakan bahasa kebangsaan. Dalam masa yang sama pula, membolehkan pelajar memahami budaya, bahasa serta pemikiran

rakannya daripada kaum lain. Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia juga dapat memainkan peranan yang lebih berkesan dengan hanya mengeluarkan kurikulum yang sama untuk semua sekolah. Kurikulum yang sama ini dapat dipantau dengan lebih berkesan dan dapat diperbaiki sekiranya berlaku kepincangan dengan cepat.

Sejajar dengan pembangunan dan kemajuan pesat yang dicapai oleh negara maka sudah sewajarnya, SRJK ditempatkan di dalam sebuah kompleks yang lebih baik sama ada dari segi kemudahan atau suasana persekitarannya. Ini kerana kebanyakan SRJK berada di dalam keadaan yang cukup daif dengan struktur bangunan yang sudah lusuh dan suasana yang tidak begitu sesuai bagi pembelajaran para pelajar. Menerusi pelaksanaan konsep Sekolah Wawasan ini, hal ini akan merangsang pembinaan lebih banyak bangunan sekolah yang baru.

Antara lain kebaikan penubuhan Sekolah Wawasan ialah;

- a. Peluang kepada para pentadbir, guru-guru dan kakitangan sokongan dari setiap sekolah untuk berinteraksi dengan lebih kerap, berkongsi dan bertukar-tukar pendapat, pengalaman dan cadangan demi kemajuan sekolah masing-masing
- b. Kesempatan kepada warga setiap sekolah membudayakan sikap bertolak ansur, bertimbang rasa, tolong-menolong dan hormat menghormati dalam situasi sebenarnya
- c. Kesempatan mengkonkritkan semangat permuafakatan melalui pembinaan projek-projek guna sama
- d. Peluang untuk menjalankan aktiviti-aktiviti kokurikulum yang integrasi dan interaksi dengan matlamat memantapkan semangat dan amalan muhibah dan perpaduan di kalangan murid-murid
- e. Mewujudkan persaingan yang sihat dari aspek akademik
- f. Mewujudkan perkongsian kemahiran pengajaran dan kemudahan peralatan pengajaran dan pembelajaran
- g. Memantapkan penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi
- h. Peluang mewujudkan masyarakat sekitar yang lebih harmonis melalui hubungan mesra ibu bapa yang kerap bertemu di kawasan sekolah semasa menghantar atau mengambil pulang anak masing-masing, atau pun semasa menjalankan aktiviti-aktiviti bersama seperti gotong royong dan sebagainya.

Keburukan

Konsep Sekolah Wawasan merupakan suatu kaedah yang terbaik bagi merealisasikan integrasi nasional dan menghapuskan jurang yang wujud di antara pelbagai kaum di negara ini namun di dalam kebaikan terdapat juga keburukannya. Sehingga hari ini,

sistem pendidikan Malaysia tidak pernah lekang daripada kemelut dalaman yang lahir daripada ketidakupayaan murid dan institusi pendidikan itu sendiri. Memetik kata-kata Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan Malaysia, Dato' Mahadzir Mohd Khir, istilah "gangsterisme" tidak terlalu sinonim dengan suasana pendidikan negara ini. Pengawasan yang lebih menyeluruh dengan bilangan pelajar yang lebih ramai perlulah difikirkan dan perancangan serta pentadbiran yang lebih teliti. Pengumpulan pelajar secara pemusatan akan menemukan kepelbagaian dalam budaya, agama, ras, sosial dan ekonomi setiap ahli sekolah berkenaan. Sekiranya faktor ini tidak disambangi dengan betul, wujud kecenderungan pelajar melakukan sesuatu di luar jangkaan. Dengan jumlah pelajar yang ramai, mampu guru dan sekolah menghadapi tekanan bagi memenuhi peranan mereka? Sungguhpun sekolah sedia ada masih terasing antara satu dengan lain, institusi sekolah gagal mengawal keruntuhan disiplin pelajar mereka. Pendidik pula perlu menyiapkan diri mereka dari segi mental dan kerohanian. Jika pendidik tidak mempunyai ketahanan sendiri yang kuat, konsep Sekolah Wawasan akan dianggap kabur dan gagal untuk melahirkan individu yang diingini oleh negara.

Apabila Kementerian Pendidikan Malaysia mengumumkan untuk memperkenalkan Sekolah Wawasan, timbul pelbagai reaksi daripada pelbagai pihak, baik individu, NGO, mahupun parti-parti politik. Masyarakat Cina terutamanya, begitu gusar dan bimbang dengan konsep Sekolah Wawasan akan menguburkan identiti Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan yang didukung selama ini. Mereka juga khuatir kewujudan sekolah tersebut akan menjejaskan pentadbiran SRJK Cina dan penggunaan bahasa ibunda di kalangan pelajar daripada aliran berkenaan.

Alasan-alasan Dong Jiao Zhong menolak penubuhan Sekolah Wawasan

Dong Jiao Zhong adalah singkatan daripada perkataan Dong Zong yang bermaksud persatuan sekolah Cina dan Jiao Zong yang bermakna guru-guru sekolah Cina. Maka dengan ini terbitlah perkataan Dong Jiao Zhong atau dikenali sebagai gabungan Persekutuan Persatuan-persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina dan Persekutuan Guru-guru Sekolah Cina. Mengikut sejarahnya persatuan ini telah ditubuhkan sejak awal 1950an ketika negara belum mencapai kemerdekaan yang mewakili 1,284 Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJKC). Dong Jiao Zhong juga mampu menyalurkan bantuan RM1 bilion setahun untuk membiayai 1,284 SRJKC dan 60 Sekolah Menengah Persendirian Cina. Baru-baru ini persatuan ini telah dapat mempengaruhi pilihan raya kecil Kawasan Undangan Negeri Kedah, Kawasan Lunas.

Di sini akan diperkatakan mengapa Dong Jiao Zhong menolak penubuhan Sekolah Wawasan. Alasan terbesar mereka ialah kekhawatiran akan kehilangan identiti Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJKC) dan identiti orang Cina akan terhakis, walaupun telah di perjelaskan beberapa kali oleh pihak kerajaan namun mereka tetap sangsi dengan hasrat untuk menyatupadukan antara kaum. Mereka masih beranggapan terdapat sesuatu agenda yang tersirat yang dapat mengganggu gugat kepentingan mereka.

Penasihat Kehormat persatuan ini, Datuk Sim Mou Yu, menganggap pelaksanaan Sekolah Wawasan tidak perlu kerana semua pelajar Melayu, Cina dan India akan belajar dan membesar bersama ketika di Sekolah Menengah Kebangsaan

dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Katanya lagi, sekolah yang sedia ada sudah mencukupi bagi membuktikan perpaduan rakyat.

Sukatan Pelajaran yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk semua aliran sekolah termasuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJKC) adalah berlatarbelakangkan Malaysia dan semua rakyat termasuk orang Cina akan sentiasa setia dan taat kepada negara.

Jika dilihat kepada Akta Pendidikan 1996 yang mengatakan semua sekolah aliran Cina dan Tamil dibenarkan menggunakan bahasa ibunda masing-masing sebagai bahasa pengantar di sekolah sepatutnya difahami oleh persatuan ini, (Datuk Hon Choon Kim – Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia).

Sebenarnya terdapat segelintir orang Cina yang tidak faham tentang konsep Sekolah Wawasan sehingga menganggap Sekolah Wawasan sebagai senjata untuk mengikis identiti orang Cina di Malaysia. Berbeza pula dengan pentadbir SJKT yang menerima baik dan bersikap terbuka dengan Sekolah Wawasan.

Kekhuatiran lain ialah mereka bimbang jika anak-anak mereka bergaul dengan kanak-kanak lain ketika kecil, mereka akan terpengaruh dengan bahasa lain. Jika ketika kecil mereka sudah biasa berbahasa Melayu, kanak-kanak ini tidak lagi mempunyai kecenderungan untuk berbahasa Cina. Lama kelamaan bahasa itu akan pupus.

Di samping itu sifat tidak mahu berkongsi atau perkongsian pelbagai peralatan seperti dewan, padang sekolah dan gelanggang permainan akan menimbulkan masalah sekiranya berlakunya pertembungan bagi menganjurkan sebarang aktiviti yang menggunakan kemudahan yang dikongsi bersama. Adalah sukar untuk membuat jadual aktiviti kerana jadual sekolah adalah terlalu ketat dan bukan senang untuk ketiga-tiga guru besar sekolah mempunyai sikap bertolak ansur kerana masing-masing mempunyai pendapat yang berbeza-beza.

Kenyataan-kenyataan Dong Jiao Zhong yang bersikap negatif mendapat ulasan daripada Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad yang menyifatkan pendidik ekstremis Cina menolak konsep Sekolah Wawasan sebagai penentang proses menyatupadukan rakyat pelbagai kaum di negara ini. Mereka bukannya mempertahankan bahasa Cina atau pelajaran dalam bahasa Cina tetapi sengaja membangkitkan isu supaya dapat menghalang perpaduan di kalangan masyarakat majmuk. Dong pandai bertutur dan menentang tetapi bukan memberi ikhtiar bahkan menentang ikhtiar orang lain.

KESIMPULAN

Konsep Sekolah Wawasan yang diluluskan oleh kabinet pada tahun 1997 adalah menggabungkan tiga sekolah berlainan aliran dalam satu kompleks yang mana para pelajarnya berkongsi menggunakan kemudahan seperti padang dan kantin bagi membolehkan mereka berinteraksi serta berkomunikasi di antara satu sama lain. Matlamat Sekolah wawasan ini adalah untuk memperkukuhkan hubungan dan perpaduan pelbagai kaum di kalangan para pelajar aliran Sekolah Rendah Kebangsaan dengan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (SRJK) Cina dan Tamil. Bila dilihat matlamat dan objektif Sekolah Wawasan ini memang mudah dituturkan di atas kertas, tetapi perlaksanaannya jika tidak diatur dengan teliti akan kembali di takuk lama. Perancangan yang mendalam serta perbincangan di antara pelbagai pihak seperti

NGO, Badan-badan bukan kerajaan, pertubuhan-pertubuhan, Suqiu, Dong Jiao Zhong dan lain-lain amatlah diharapkan. Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia pula hendaklah memberikan penjelasan kepada semua masyarakat berhubung kekeliruan dan kebimbangan yang timbul mengenai pelaksanaan konsep Sekolah Wawasan ini.

Di harapkan Dong Jiao Zhong tidak terus menolak konsep Sekolah Wawasan tetapi duduk berbincang dan mencari jalan penyelesaian agar dapat memenuhi dan memuaskan hati semua pihak. Tidak guna mereka berkeras kerana Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad berkata, pelaksanaan Sekolah Wawasan tetap akan diteruskan pada tahun ini juga dan melibatkan beberapa buah sekolah baru dan lama telah bersetuju menyertai Sekolah Wawasan sebagai projek perintis. Para pendidik juga disarankan supaya menjadikan agenda perpaduan sebagai keutamaan dalam semua aktiviti dan program pendidikan yang dilaksanakan. Di harapkan Sekolah Wawasan akan diterima semua lapisan masyarakat dan berjaya direalisasikan.

BIBLIOGRAFI

Ahmad Yani Abdul Manaf. (2000, Okt.) Perintis Sekolah Wawasan Negara. Dewan Masyarakat, 24-25

Azhar Abu Samah. (7/12/2000). MCA Mula Terikut Rentak Dong Jiao Zhong. Berita Harian, 27.

Aziz Ishak. (2000, Dis, 9-15). Mendepani 'Kuasa' Dong Jiao Zhong. Massa, 17

Dong Jiao Zhong Diminta Buktikan Keikhlasan. (8/11/2000). Berita Harian, 20

Hassan Mohd Noor (2001, Jan, 13-19). Suqiu dan Pemuda Sepakat. Massa, 12-13

Heng Pek Koon. (1988). Chinese Politics In Malaysia A Study Of The Malaysian Chinese Association. Singapore: Oxford University Press.
<http://yik.itgo.com/tex/AktaPendidikan.html>

Idris Zakaria. (7/12/2000). Nilai Toleransi Melayu. Berita Harian, 17.

Johari Ibrahim. (20/11/2000). Usah Bimbang Pelaksanaan Sekolah Wawasan:Abdullah. Berita Harian, 4.

Kemelut Di Sebalik Isu Sekolah Wawasan. (11/11/2000). Berita Minggu,

Konsep Wawasan Gagasan Terbaik Generasi Alaf Baru. (20/12/2000). Berita Harian, 21.

Masyarakat Cina Perlu Bersikap Lebih Terbuka. (4/12/2000). Berita Harian, 11.

MCA Akui Faham Konsep Sekolah Wawasan. (2/12/2000). Berita Harian, 2.

Means, G.P. (1991). Malaysian Politics: the second Generations. Singapore: Oxford University Press.

Penolakan Sekolah Wawasan Singgung Perasaan Orang Melayu. (20/11/2000). Berita Harian, 25.

Ramlan Abd Wahab. (2001, Jan). Matlamat Perpaduan Melalui Sistem Pendidikan. Dewan Masyarakat, 50-51.

Sekolah Wawasan Punca Cina Tolak BN. (2000, 3 Dis). Berita Harian, 7.

Sekolah Wawasan Tetap Diteruskan Tahun Ini. (2001, 12 Jan). Berita Harian, 3.

Sekolah Wawasan: Ciri Sekolah Aliran Cina Kekal. (4/12/2000). Berita Harian, 6.

Tan Liok Ee. (1997). The Politics Of Chinese Education In Malaya, 1945 – 1961. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

The Kean Kiat. (20/11/2000). Isu Sekolah Wawasan Masih Diperdebatkan. Berita Harian, 7